



**PEMAKLUMAN KEPADA PEMEGANG
SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP)**

(TERMA & SYARAT KEPUTUSAN DAN TUNTUTAN HADIAH SSP)

Bil.	Perkara	Maklumat
1.	Keputusan Cabutan SSP	<p>a) Akan disiarkan dalam akhbar-akhbar terpilih pada hari Selasa selepas Majlis Cabutan SSP diadakan.</p> <p>b) *Akhbar-akhbar yang terlibat adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none">i. Utusan Malaysiaii. Utusan Borneoiii. New Straits Timesiv. New Sabah Timesv. Sin Chew Jit Pohvi. See Hua Dailyvii. Borneo Post <p><i>* atau mana-mana akhbar lain yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa</i></p> <p>c) Keputusan juga boleh disemak menerusi:-</p> <ul style="list-style-type: none">i. Lamanweb BSN (www.bsn.com.my)ii. Papan kenyataan Bank; atauiii. SMS ke nombor 32255
2.	Pemakluman Kepada Pemenang	<p>Setiap pemenang akan dimaklumkan oleh Bank melalui pos mengikut alamat yang ada di dalam sistem dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan cabutan disiarkan.</p>
3	Keperluan Dokumen Daripada Pemenang	<p>Bagi mempercepatkan urusan tuntutan/penyerahan hadiah oleh pihak pembekal, pemenang perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Bank di alamat yang dinyatakan pada Bil 10 di bawah:-</p> <p>a) Hadiah Pertama hingga Hadiah Keenam</p> <ul style="list-style-type: none">i. Salinan Kad Pengenalanii. Salinan Sijil berkenaaniii. Sekeping gambar berukuran pasportiv. Nombor telefon

		<p>b) Hadiah Ketujuh hingga Kesebelas Pemenang dikehendaki melengkapkan butir-butir seperti di keratan bawah notis pemakluman yang dihantar oleh Bank dan mengembalikannya kepada Bank.</p> <p>c) Hadiah Keduabelas Tiada dokumen atau tindakan diperlukan daripada pemenang. (Sila rujuk pada Bil 6(d) di bawah).</p>
4.	Penghantaran Dokumen oleh Pemenang Kepada Bank	<p>Pemenang boleh menghantar dokumen yang diperlukan oleh Bank melalui kaedah berikut:-</p> <p>a) pos; dan/atau b) faks</p> <p>ke alamat dan nombor faks yang dinyatakan pada Bil 10 di bawah.</p>
5.	Pembekalan Hadiah SSP	<p>Urusan pembekalan hadiah kepada pemenang akan diuruskan oleh pembekal yang dilantik oleh Bank atau melalui kaedah lain dari masa ke semasa pada budi bicara mutlak Bank.</p>
6.	Pembekalan Hadiah Kepada Pemenang	<p>a) Bank akan membekalkan butir-butir pemenang yang berkaitan kepada pembekal untuk menguruskan penghantaran/penyerahan hadiah setelah menerima dokumen yang diperlukan daripada pemenang.</p> <p>b) Pembekal akan menghubungi pemenang terus untuk mengaturkan urusan penghantaran hadiah.</p> <p>c) Semua hadiah yang dimenangi mestilah dituntut oleh pemenang itu sendiri mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>d) Bagi hadiah saguhati SSP (hadiah keduabelas), Bank akan menghantar sijil terus kepada pemenang melalui pos mengikut alamat yang ada di dalam sistem atau melalui kaedah lain dari masa ke semasa pada budi bicara mutlak Bank.</p>

7.	Syarat-syarat utama hadiah yang dimenangi	<p>a) Semua hadiah yang dimenangi perlu didaftarkan atas nama pemenang.</p> <p>b) Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar dengan wang tunai, saiz/model yang berlainan dan sebagainya dan keputusan Bank dalam hal ini adalah muktamad.</p> <p>c) Bagi hadiah kenderaan, kos pendaftaran, insuran, cukai jalan serta pengangkutan (jika ada) ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. Bank hanya membuat bayaran di atas harga kenderaan sahaja.</p> <p>d) Setelah kenderaan tersebut didaftar atas nama pemenang, Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan sekalipun berkaitan kenderaan tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perjanjian di antara pemenang, pembekal atau pihak ketiga).</p> <p>e) Bagi pemenang di bawah umur 18 tahun, pendaftaran boleh dibuat di atas nama penjaga.</p>
8.	Tempoh Masa Tuntutan Hadiah	<p>Pemenang dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Bank (seperti pada Bil 3 di atas) dalam tempoh yang dinyatakan di dalam notis pemakluman.</p> <p>Hadiah yang dimenangi perlu dituntut oleh pemenang tidak lewat dari 1 tahun dari tarikh notis pemakluman. Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tempoh tersebut.</p>
9.	Pemenang yang meninggal dunia	<p>Sijil pemenang yang telah meninggal dunia layak menyertai cabutan sehingga 12 bulan dari tarikh mati dan hadiah yang dimenangi boleh dituntut oleh waris yang berhak mengikut proses tuntutan kematian.</p>

10.	Alamat & Nombor Telefon Bank Bagi Surat Menyurat/ Pertanyaan Tuntutan Hadiah SSP	<p>Bank Simpanan Nasional, Bahagian Deposit Konsumer Tingkat 9, Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur</p> <p>No. Tel : 03-21623222 samb. 4511/4512 No. Fax: 03-21614930</p>
11	Syarat Khas	<p>(i) Bank:-</p> <p>a) berhak dan pemenang membenarkan Bank memberi butir-butir pemenang (hanya yang berkaitan) kepada pembekal untuk membolehkan pembekal menyempurnakan tindakan pada Bil 6(a) dan (b) di atas;</p> <p>b) berhak dan pemenang membenarkan Bank menggunakan gambar dan butir-butir pemenang (hanya yang berkaitan) untuk tujuan publisiti atau pengiklanan;</p> <p>c) berhak secara mutlak untuk mengubah, meminda, mengeneipkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dari masa ke semasa tanpa sebarang notis;</p> <p>d) berhak secara mutlak menukar/menggantikan hadiah dengan mana-mana hadiah lain yang difikirkan sesuai dari masa ke semasa tanpa sebarang notis;</p> <p>e) tidak akan dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau masalah yang timbul akibat dari cabutan SSP atau apa-apa perkara berkaitan dengannya selama ianya dibenarkan oleh undang-undang;</p> <p>f) berhak membuat keputusan berkaitan SSP atau apa-apa perkara berkaitan dengannya dan sebarang keputusan Bank adalah muktamad.</p>